



KENYATAAN MEDIA

TNB TUAN RUMAH GLC EXPLORACE 2014

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan anjuran bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengadakan GLC ExplorAce yang bertemakan ‘Transformasi Agenda Bumiputera – Better. Brighter’. Pada tahun ini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah dipilih untuk menjadi tuan rumah kepada penganjuran GLC ExplorAce 2014 yang berlangsung pada hari ini, 9 Jun 2014 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB.

Program dirasmikan oleh YB. Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Turut hadir bersama Y. Bhg. Tan Sri Leo Moggie, Penggerusi TNB.

Program GLC ExplorAce 2014 merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Pembangunan Vendor (PPV) MITI bermula pada tahun 2013.

Program ini menyediakan platform bagi Kementerian/Agensi, syarikat-syarikat GLC, institusi perbankan dan syarikat-syarikat vendor Bumiputera yang terlibat untuk berkongsi maklumat mengenai program, produk dan perkhidmatan serta membuka peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat vendor untuk meneroka pasaran baharu dengan syarikat-syarikat GLC yang menyertai program ini.

Antara pengisian program adalah sesi pameran dan khidmat nasihat, sesi pemadanan perniagaan (business matching), sesi pocket talks dan coffee talk yang akan disertai oleh MITI, agensi-agensi di bawah MITI, agensi teknikal, institusi kewangan dan lapan (8) syarikat GLC iaitu Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (PROTON), Boustead Naval Shipyard (BNSY), UEM Group Berhad, UMW Holdings, Northport (Malaysia) Berhaddan F.I.T CenterSdn. Bhd (FITEC).

PPV merupakan satu program yang diwujudkan oleh Kerajaan bertujuan untuk membantu membangunkan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menjadi pengilang dan pembekal komponen/perkhidmatan yang kompetitif bagi pasaran domestik dan global syarikat anchor. Program ini merupakan salah satu agenda utama dalam Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera di bawah Fokus Keempat iaitu Memperhebat Keusahawanan dan Perniagaan Bumiputera.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah diberi peranan sebagai *central monitoring unit* bagi PPV.

Penglibatan dan komitmen berterusan syarikat GLC sebagai syarikat anchor dalam melaksanakan PPV amat diperlukan bagi memastikan syarikat Bumiputera dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan terus berdaya maju dan berdaya saing dalam menghadapi liberalisasi ekonomi tempatan serta antarabangsa. Semasa pembentangan Bajet 2014, kerajaan telah meluluskan insentif potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan operasi yang ditanggung oleh anchor bagi melaksanakan PPV. Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan lebih banyak syarikat anchor menyertai PPV dan seterusnya membangunkan vendor tempatan.

Sehubungan itu, adalah diharapkan jalinan kerjasama pihak Kerajaan dan syarikat GLC dalam penganjuran program seperti GLC ExplorAce 2014 bersama pihak TNB pada tahun ini akan membantu usahawan-usahawan Bumiputera khususnya untuk mempertingkatkan jaringan komunikasi, mendapatkan maklumat terkini yang dapat membantu perniagaan serta mendapat peluang untuk menceburi bidang perniagaan baharu.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Kuala Lumpur

9 Jun 2014